



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGLIBATAN, MODAL INSAN DAN PENDAYAUPAYAAN KOMUNITI  
DALAM KALANGAN PESERTA YAYASAN SEJAHTERA DI MALAYSIA***

**SARA SHAKILLA BINTI MOHD SALIM**

**FEM 2022 19**



**PENGLIBATAN, MODAL INSAN DAN PENDAYAUPAYAAN KOMUNITI  
DALAM KALANGAN PESERTA YAYASAN SEJAHTERA DI MALAYSIA**

**Oleh**

**SARA SHAKILLA BINTI MOHD SALIM**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Julai 2021**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana - mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

## **PENGLIBATAN, MODAL INSAN DAN PENDAYAUPAYAAN KOMUNITI DALAM KALANGAN PESERTA YAYASAN SEJAHTERA DI MALAYSIA**

Oleh

**SARA SHAKILLA BINTI MOHD SALIM**

**Julai 2021**

**Pengerusi : Prof. Asnarulkhadi Abu Samah, PhD**  
**Fakulti : Ekologi Manusia**

Pembangunan komuniti berfokuskan kepada elemen pendayaupayaan sebagai fokus utama di mana ia merupakan satu proses aktif yang mengizinkan individu mahupun komuniti berkeupayaan bertindak untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka. Pada amnya, penglibatan komuniti dalam projek didorong oleh faedah yang dijangka diperolehi dalam meningkatkan keupayaan dan memperbaiki kehidupan ke arah yang lebih baik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan meneroka hubungan dalam penglibatan dan pendayaupayaan komuniti projek Yayasan Sejahtera di samping mengkaji peranan modal insan sebagai mediator kajian. Kajian yang berfokuskan kepada penglibatan ini terdiri daripada pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah sebagai ramalan kepada pendayaupayaan yang terdiri daripada tiga dimensi iaitu ekonomi, sosial dan psikologi. Manakala bagi modal insan pula merangkumi tiga elemen iaitu pengetahuan, kemahiran dan kebolehan. Sebanyak 305 orang responden terdiri daripada peserta projek Yayasan Sejahtera telah dipilih berdasarkan persampelan berstrata yang dibahagikan mengikut negeri, daerah dan kumpulan projek. Statistik deskriptif digunakan sebagai langkah pertama dalam menghuraikan ciri demografi responden kajian ini. Sementara itu, ujian Manova pula dilaksanakan bagi menentukan perbezaan faktor pendayaupayaan (ekonomi, sosial dan psikologi) berdasarkan tempoh penglibatan peserta. Seterusnya kajian ini juga mengkaji hubungan antara ketiga-tiga peringkat penglibatan dengan kesemua dimensi pendayaupayaan menggunakan analisis korelasi Pearson. Manakala bagi ujian statistik inferensi menggunakan Model Persamaan Struktural atau SEM dianalisa menggunakan perisian PLS-SEM 13 dalam mengkaji pengaruh penglibatan (pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah) sebagai peramal ke atas pendayaupayaan (ekonomi, sosial dan psikologi). Selain itu, peranan mediator modal insan juga dianalisis menggunakan perisian tersebut dengan teknik analisis *bootstapping*. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang tinggi dan signifikan antara pelaksanaan dan penerimaan faedah dengan pendayaupayaan ekonomi dan pendayaupayaan sosial dan hubungan yang sederhana dan signifikan antara pembuatan keputusan dengan pendayaupayaan ekonomi dan pendayaupayaan sosial dan juga hubungan yang sederhana dalam pembuatan keputusan dan penerimaan faedah dengan pendayaupayaan psikologi. Sementara itu,

bagi hubungan pelaksanaan dengan pendayaupayaan psikologi pula menunjukkan hubungan signifikan yang rendah. Dapatan kajian dalam analisis regresi pelbagai pula menunjukkan pendayaupayaan ekonomi dihubungkan dengan penerimaan faedah dan modal insan sebanyak 44% varians, manakala bagi pendayaupayaan sosial pula dihubungkan oleh penerimaan faedah dengan varians 44% dan seterusnya bagi pendayaupayaan psikologi pula yang dihubungkan dengan modal insan sebagai peramal tunggal dengan varians sebanyak 37%. Keputusan menunjukkan penerimaan faedah merupakan peramal yang paling penting dalam mempengaruhi pendayaupayaan ekonomi dan sosial komuniti. Selain itu, bagi ujian mediator pula mendapati peranan modal insan sebagai penghubung antara pelaksanaan dan penerimaan faedah dengan pendayaupayaan ekonomi dan juga pendayaupayaan psikologi. Peranan mediator diuji dalam hubungan penglibatan dan pendayaupayaan untuk menyokong teori serta kajian lepas berkaitan hubungan modal insan dengan variabel-variabel tersebut. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menyokong bahawa penglibatan ditambahkan lagi dengan modal insan mampu untuk mempengaruhi pembentukan pendayaupayaan komuniti. Implikasi kajian menunjukkan penglibatan perlu lebih berfokuskan dalam pelbagai peringkat dalam membentuk pendayaupayaan komuniti yang lebih bersifat komprehensif. Penemuan hasil kajian ini juga dapat menyumbang dan memperluaskan lagi pemahaman dalam konteks pendayaupayaan komuniti terutama berdasarkan projek komuniti khususnya dalam konteks projek Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK). Terdapat beberapa cadangan daripada hasil kajian untuk meningkatkan pendayaupayaan komuniti terutama dalam projek komuniti agar lebih efektif dan memberi kesan dalam membawa perubahan hidup yang lebih baik dan bersifat mampan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**PARTICIPATION, HUMAN CAPITAL AND COMMUNITY  
EMPOWERMENT AMONG PARTICIPANTS OF YAYASAN SEJAHTERA IN  
MALAYSIA**

By

**SARA SHAKILLA BINTI MOHD SALIM**

**July 2021**

**Chair : Prof. Asnarulkhadi Abu Samah, PhD**  
**Faculty : Human Ecology**

Community development focuses on the element of empowerment as a main factor through an active process that allows individuals and communities have ability to improve their life. Generally, community participation was driven by the expected benefits in enhancing their ability to improve a better life. Hence, the purpose of this study to identify and explore the relationships between participation and community empowerment from the Yayasan Sejahtera project as well as study the role of human capital as a research mediator. This study focusing on participation consists of decision making, implementation and benefit received predicting the three-dimensional empowerment namely economic, social and psychological. Meanwhile, there is three elements for human capital which is knowledge, skills and abilities. A total of 305 respondents from Yayasan Sejahtera project participants were selected based on stratified sampling by state, district and project group. Descriptive statistics were used for describing the characteristics of respondents' demographics in this study. Meanwhile, the Manova test was carried out to determine the differences in empowerment (economic, social and psychology) based on the time duration of participation. Next, this study also examines the relationship between the participation with all dimensions of the empowerment using Pearson correlation analysis. Besides that, for inferential statistical test using Structural Equation Model or SEM was analyzed using PLS-SEM 13 software in examine the factor of participation (decision making, implementation and benefit received) as a predictor of empowerment (economic, social and psychology). In addition, the role of human capital as mediator also was analyzed using the same software with bootstrapping analysis techniques. The findings show that there is a high and significant relationship between implementation and benefit received in participation with economic and social empowerment and moderate and significant relationships between decision-making with economic and social empowerment and also decision-making and benefit received with psychology empowerment. Meanwhile, for implementation in participation with psychological empowerment shows a low significant relationship. The multi-regression findings analysis showed that the

economic empowerment was contributed with 44% of variance by benefit received and human capital, while for social empowerment was contributed by benefit received with 44% of variance and for psychological empowerment contributed by human capital with 37% of variance. From the results show that benefit received as the most important predictor for the economic and social community's empowerment. Additionally, for the mediator test, the study found that human capital as a mediator between implementation and benefit received with economic empowerment and also with psychological empowerment. The mediator was examined in relationship between participation and empowerment to support the theory and previous study about their relationship. Overall, the findings support that participation and human capital as influencing factors in community empowerment. The implications of the study suggest that participation needs to be more focused at various levels in shaping a more comprehensive community empowerment. The findings of this study can also contribute and further expand understanding in the context of community empowerment, especially based on community projects in the context of Corporate Social Responsibility (CSR) projects. There are some suggestions from the results of the study to improve community empowerment, especially in community projects to be more effective in bringing about a better and more sustainable life change.

## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T. Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. *Alhamdulillah*. Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya diberikan nikmat kesihatan, ruang dan peluang serta kekuatan untuk menyempurnakan penyelidikan di peringkat Doktor Falsafah ini. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada penyelia utama saya iaitu, Prof. Dr. Asnarulkhadi Abu Samah atas bimbingan, tunjuk ajar, nasihat serta dorongan sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan. Tidak lupa juga penghargaan kepada penyelia Dr Amna Md Noor dan Dr Azlina Mohd Khir yang sentiasa memberi ruang masa atas pandangan dan sokongan, juga ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan ditujukan kepada Yayasan Sejahtera kerana memberi kelulusan dan kebenaran dan juga kepada semua peserta projek di Kelantan, Sabah dan Sarawak atas komitmen dan kerjasama sepanjang saya menjalankan penyelidikan ini. Jutaan terima kasih dan penghargaan diucapkan atas kesudian dan ruang waktu yang diberikan.

Ucapan terima kasih juga dihulurkan kepada pihak penaja iaitu MyBrain daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana menaja pengajian, memberi peluang dan kepercayaan kepada saya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah ini. Tidak lupa juga kepada Grant IPS UPM atas peruntukkan kewangan yang diberikan untuk melaksanakan penyelidikan ini. Kepada ibunda Radziah Kamarolzaman dan ayahanda Mohd Salim Ku Man terima kasih kerana membesarkan dan mendidiku menjadi insan seperti hari ini dan juga buat suamiku Shahrizal Hanapi atas pengorbanan dan kerjasama yang diberikan. Juga buat permata hatiku Hadeef Muqri, Haneef Muslim dan Hareez Muslim yang sentiasa menyuntik semangatku dan memberi inspirasi dalam hidup. Akhir sekali, kepada pensyarah-pensyarah serta sahabat-sahabat yang banyak memberikan kata-kata positif, idea serta dorongan. Terima kasih diucapkan. Semoga jasa baik dan pengorbanan kalian semua mendapat keredhaan daripada Allah S.W.T. *Insyallah. Barakallah Feekum.*

Sara Shakilla Mohd Salim (GS42985)  
017 233 2199 / sara.shakilla@gmail.com



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyelesaian adalah seperti berikut:

**Asnarulkhadi bin Abu Samah, PhD**

Profesor  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Amna binti Haji Md. Nor, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Azlina binti Mohd Khir, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 20 Januari 2022

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Prof. Dr. Asnarulkhadi Abu Samah

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Dr. Amna Md. Nor

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Dr. Azlina Mohd Khir

## ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Yayasan Sejahtera	4
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Persoalan Kajian	13
1.5 Objektif Kajian	14
1.6 Hipotesis Kajian	15
1.7 Kesignifikan Kajian	17
1.8 Definisi Konseptual & Operasional	19
1.9 Skop Kajian	23
1.10 Struktur Tesis	23
<b>2 KERANGKA TEORITIKAL DAN TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>24</b>
2.1 Pengenalan	24
2.2 Pembangunan Komuniti & Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK)	24
2.3 Pendekatan Penghidupan Mampan ( <i>Sustainable Livelihoods Approach</i> )	30
2.4 Teori Pendayaupayaan Komuniti	34
2.4.1 Peringkat dan Dimensi Pendayaupayaan	36
2.4.2 Pendayaupayaan sebagai Proses dan Hasil	40
2.5 Teori Penglibatan Komuniti	44
2.5.1 Model Penglibatan dan Kuasa Komuniti	47
2.5.2 Penglibatan sebagai Cara atau Matlamat	51
2.5.3 Isu Penglibatan dalam Pembangunan Komuniti	53
2.6 Konsep Modal Insan	57
2.6.1 Modal Insan dalam Konteks Pembangunan Komuniti	59
2.6.2 Modal Insan dalam Konteks Ekonomi	61
2.7 Tinjauan Literatur	63
2.7.1 Hubungan Penglibatan dan Pendayaupayaan	64
2.7.2 Hubungan Penglibatan dan Modal Insan	67
2.7.3 Hubungan Modal Insan dan Pendayaupayaan	69

2.8 Kerangka Konseptual	71
2.9 Kesimpulan Bab	74
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>75</b>
3.1 Pengenalan	75
3.2 Reka Bentuk Kajian	75
3.3 Populasi, Persampelan dan Lokasi Kajian	76
3.3.1 Proses Penentuan Saiz Sampel	80
3.4 Instrumentasi	82
3.5 Kajian Rintis	86
3.6 Pengumpulan Data	88
3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan Skala Kajian Sebenar	89
3.8 Penyediaan Data	90
3.8.1 Pembersihan dan Kehilangan Data	90
3.9 Prosedur Sistemik Pelaksanaan PLS-SEM	91
3.9.1 Penetapan Model Struktural	91
3.9.2 Penetapan Model Pengukuran	92
3.9.3 Pengumpulan Data dan Penilaian	93
3.9.4 Penganggaran Model Laluan PLS	94
3.9.5 Penilaian Keputusan PLS-SEM	95
3.10 Analisis Data	100
3.10.1 Analisis Tahap Penglibatan, Modal Insan dan Pendayaupayaan	101
3.10.2 Analisis Korelasi Pearson	102
3.10.3 Analisis Manova	103
3.10.4 Model Persamaan Struktur SEM	104
3.11 Kesimpulan	105
<b>4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>106</b>
4.1 Pengenalan	106
4.2 Demografi Responden dan Latar Belakang Projek	106
4.3 Tahap Penglibatan, Modal Insan dan Pendayaupayaan	110
4.4 Hubungan antara Penglibatan dan Pendayaupayaan	115
4.5 Perbezaan Pendayaupayaan (Ekonomi, Sosial & Psikologi) berdasarkan Tempoh Penglibatan	117
4.6 Model Struktural	121
4.7 Faktor Peramal Pendayaupayaan	123
4.7.1 Penglibatan sebagai Peramal kepada Pendayaupayaan Ekonomi	126
4.7.2 Penglibatan sebagai Peramal kepada Pendayaupayaan Sosial	127
4.7.3 Penglibatan sebagai Peramal kepada Pendayaupayaan Psikologi	129
4.7.4 Penglibatan sebagai Peramal kepada Modal Insan	130
4.7.5 Modal Insan sebagai Peramal kepada Pendayaupayaan	131
4.7.6 Perbincangan	132

4.8	Kesan Mediator Modal Insan ke Atas Hubungan Antara Penglibatan dan Pendayaupayaan	135
4.8.1	Perbincangan	139
4.9	Kesimpulan	140
<b>5</b>	<b>RINGKASAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>142</b>
5.1	Pengenalan	142
5.2	Ringkasan Kajian	142
5.3	Rumusan Kajian	145
5.4	Implikasi Kajian	147
5.4.1	Implikasi Teoritikal	147
5.4.2	Implikasi Praktis	149
5.5	Cadangan Kajian	152
	<b>RUJUKAN</b>	154
	<b>LAMPIRAN</b>	186
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	237
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	238

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
2.1	Ciri-ciri Tipologi Konsep Pembangunan Komuniti	26
2.2	Kuasa & Pendayaupayaan	43
2.3	Perbezaan Penglibatan Sebagai Cara atau Matlamat	52
2.4	Ringkasan Hubungan Penglibatan dan Pendayaupayaan	66
3.1	Populasi YS dan Ahli Berdasarkan Negeri dan Jenis Projek	77
3.2	Saiz Sampel Peserta Berdasarkan Populasi Jenis Projek bagi Setiap Negeri	81
3.3	Ringkasan Variabel dan Jumlah Item yang Digunakan dalam Kajian	85
3.4	Nilai Kebolehpercayaan dalam Instrumen Kajian Rintis	87
3.5	Kesahan Menumpu Kajian	97
3.6	Kesahan Diskriminan (Fornell & Larcker's)	98
3.7	Kesahan Diskriminan (HTMT)	99
3.8	Pengukuran Konstruk Formatif	100
3.9	Pengukuran Tahap Variabel Kajian	102
3.10	Garis Panduan untuk Mentafsir Kekuatan Nilai Pearson	103
3.11	Interpretasi Kekuatan Kesan Saiz	103
3.12	Ringkasan Analisis Data	105
4.1	Demografi Responden	106
4.2	Latar Belakang Projek	109

4.3	Tahap Penglibatan, Modal Insan dan Penderayaupayaan	111
4.4	Hubungan antara Penglibatan dan Penderayaupayaan	116
4.5	Skor Min bagi Tempoh Penglibatan Peserta YS	117
4.6	Ujian Box's M bagi Tempoh Penglibatan Berdasarkan Penderayaupayaan (Ekonomi, Sosial dan Psikologi)	118
4.7	Ujian Levene	118
4.8	Ujian Multivariat	119
4.9	Ujian Antara Kumpulan	119
4.10	Estimated Marginal Min Tempoh Penglibatan	120
4.11	Nilai Kolineariti VIF ( <i>Inner VIF</i> )	124
4.12	Signifikan Pekali Laluan ( <i>Path Coefficient</i> ) dalam Model Struktural	125
4.13	Keputusan Hipotesis Hubungan Mediator	138

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Halaman</b>	
2.1	Komponen dalam Penghidupan Mampan	32
2.2	Kerangka Konsep: Penglibatan, Modal Insan & Pendayaupayaan Komuniti dalam Kalangan Peserta Projek Yayasan Sejahtera di Malaysia	73
3.1	Prosedur Persampelan Pelbagai Peringkat	79
3.2	Pembinaan Konseptual Kerangka	92
3.3	Model Pengukuran Kajian	96
4.1	Model Struktural Kajian	122
4.2	Mediator Kajian	136



## SENARAI SINGKATAN

YS	Yayasan Sejahtera
TSK	Tanggungjawab Sosial Korporat
CSR	Corporate Social Responsibility
KNB	Khazanah Nasional Berhad
PCG	Putrajaya Committee on GLC High Performance
GLC	Government Linked Companies
GLIC	Government Linked Investment Companies
YH	Yayasan Hasanah
GDW	Gerakan Daya Wawasan
CBA	Community Based Approach
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
OKU	Orang Kelainan Upaya
PMI	Pembangunan Modal Insan
UNDP	United Nations Development Programme
KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
DPLB	Dasar Pembangunan Luar Bandar
JKMM	Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
OBK	Organisasi Berasaskan Komuniti
DFID	Department for International Development
Beta	pekali regresi piawai
Bil	Bilangan
dk	darjah kebebasan
EDA	Exploratory Data Analysis
F	statistik taburan F
JKD	Jumlah Kuasa Dua
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat

KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MKD	Min Kuasa Dua
n	bilangan subjek
r	pekali korelasi
R <sup>2</sup>	pekali penentu regresi
Sig.	signifikan
S.P.	sisihan piawai
SPSS	Statistical Package for Social Science
t	statistik taburan t



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Pembangunan komuniti dianggap sebagai satu usaha yang membawa kepada perubahan dalam kehidupan komuniti (Asnarulkhadi, 2012). Pembangunan komuniti juga dilihat sebagai satu pendekatan atau kaedah yang digunakan dalam kebanyakan negara sedang membangun untuk meningkatkan kualiti hidup dan diiktiraf sebagai satu kaedah bagi memenuhi keperluan kebajikan dan sosial serta membangunkan komuniti (Meme Zainal, 2011). Di Malaysia, pembangunan komuniti menjadi wadah perubahan dalam komuniti, masyarakat dan negara bermula seawal negara mencapai kemerdekaan (Haris & Abd Hadi, 2012; Haris, 2015). Definisi awal oleh United Nations (1960) melihat pembangunan komuniti itu sebagai satu proses melalui usaha anggota-anggota komuniti itu sendiri digabungkan dengan pihak berkuasa kerajaan untuk memperbaiki keadaan-keadaan ekonomi, sosial, dan budaya komuniti tersebut demi untuk mengintegrasikan komuniti ke dalam kehidupan yang boleh menyumbang kepada kemajuan negara. Proses pembangunan komuniti melibatkan siri aktiviti – aktiviti perancangan berterusan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti yang meliputi aspek penilaian keperluan, penetapan matlamat, penentuan objektif, pemilihan alternatif, pelaksanaan dan penilaian keberkesanan program (Fischer, 1989). Secara keseluruhannya, program dalam pembangunan komuniti dibentuk untuk kelangsungan hidup, pendayaupayaan dan meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti (Zakiah, 2015).

Selain itu, definisi pembangunan komuniti juga dikaitkan dengan satu gerakan yang bertujuan untuk mempromosikan kehidupan yang lebih baik kepada masyarakat melalui penglibatan dan inisiatif komuniti sendiri (Batten, 1957). Clarke (2002) pula menyatakan pembangunan komuniti sebagai mobilisasi dan integrasi yang maksimum daripada segi sumber sosial, ekonomi dan politik bagi mencapai perubahan sosial yang bersifat mampan. Pembangunan komuniti juga berdasarkan kepada cadangan sebagai satu kaedah dalam membina dan menambahkan keupayaan komuniti dan masih diterokai sehingga kini (Berkes & Ross, 2013; Zautra, Hall, & Murray, 2008a).

Sementara itu, matlamat pembangunan komuniti juga adalah untuk membentuk pendayaupayaan komuniti yang terpinggir dengan cara mengembalikan kuasa kawalan ke atas kehidupan mereka sendiri (Blocker et al., 2012). Maimunah (2009) mendefinisikan pembangunan komuniti sebagai inisiatif yang dijalankan oleh masyarakat dengan usaha sama pihak luar untuk mendayaupayakan individu dan kumpulan dalam masyarakat melalui aktiviti yang dilaksanakan untuk membawa perubahan kepada komuniti. Oleh itu, definisi pembangunan komuniti banyak memberi

penekanan kepada aspek penglibatan anggota komuniti secara gabungan antara inisiatif dengan usaha pihak penganjur dalam program pembangunan komuniti. Pembangunan komuniti merupakan satu proses yang dinamik di mana melibatkan penglibatan kolektif, tindakan dan kerjasama dalam memperbaiki sosial, ekonomi dan persekitaran komuniti (Bhattacharyya, 2004; Dibden & Cheshire, 2005). Penglibatan komuniti melibatkan proses aktif dalam mengenalpasti keupayaan dan aset, mengaplikasikan sumber, kemahiran dan kebolehan dalam meningkatkan kefungsi komuniti (Eversole, 2015). Dalam hal ini, pembangunan komuniti memerlukan gabungan usaha yang merangkumi proses, program, strategi dan aktiviti yang mampu melestarikan segala bentuk pembangunan komuniti (Maimunah, 2009). Ia merupakan satu proses penambahbaikan berulang dan berterusan, sering melibatkan gabungan serta kerjasama pelbagai pihak berinisiatif, projek atau tindakan (Dibden & Cheshire, 2005). Flora et.al (2016) menekankan bahawa usahasama dan kerjasama adalah lebih penting daripada persaingan dalam proses pembangunan komuniti.

Sejajar dengan itu, TSK (Tanggungjawab Sosial Korporat) telah dikenal pasti sebagai salah satu penyumbang kepada pembangunan komuniti di Malaysia melalui penglibatan dalam program dan aktiviti komuniti (Abdul Rashid & Ibrahim, 2002; Mohamed & Sawandi, 2007). TSK juga telah menjadi agenda global kerana di kebanyakan negara sama ada kerajaan atau NGO, masyarakat atau institusi perniagaan sendiri, melihat amalan ini sebagai suatu yang mampu menghubungkan institusi perniagaan dan pembangunan (Sharp, 2006; Blowfield & Frynas, 2005; Utting, 2003). Berdasarkan kepada dimensi kategori TSK sedia ada, pelaksanaan dan perbincangan TSK merujuk kepada tanggungjawab terhadap komuniti sebagai salah satu komponen utama inisiatif organisasi (Kotler & Lee, 2005; Bursa Malaysia, 2006). Malahan kajian berkenaan dengan tema inisiatif TSK juga menunjukkan bahawa kebanyakan syarikat korporat telah mendominasi pelaksanaan program terhadap komuniti (Kapelus, 2002:279). Terdapat juga pendapat yang mengatakan TSK merupakan usaha pembangunan yang dilaksanakan oleh sektor swasta bagi membantu melengkapkan sesuatu usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan atau institusi pembangunan multilateral terhadap komuniti (Vives, 2004:46 dalam Ideamudia, 2008:92). Secara definisinya, TSK merupakan satu usaha untuk meningkatkan kualiti kehidupan komuniti melalui program dan dianggap mempunyai peranan yang sangat signifikan dalam usaha membangunkan komuniti melalui medium penglibatan komuniti. Komponen TSK dalam pembangunan komuniti juga merujuk kepada set aktiviti yang menyediakan bentuk sokongan kepada komuniti yang terlibat (Maloni dan Brown, 2006).

Sebagai sebuah agensi TSK yang menyokong matlamat pembangunan komuniti, Yayasan Sejahtera (YS) bermatlamat meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup komuniti dengan memberi fokus terhadap pendayaupayaan melalui pelbagai program dan inisiatif kepada peserta. Program yang dianjurkan terdiri daripada bimbingan, pengetahuan dan kemahiran serta bantuan peralatan untuk menggerakkan peserta menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan kesejahteraan mereka. TSK dapat memainkan peranan dalam memperbaiki kualiti hidup komuniti melalui sokongan dan penglibatan komuniti yang memberi manfaat kepada komuniti sendiri. Selari dengan matlamat penubuhan YS, ia bertujuan membentuk pendayaupayaan dalam kalangan komuniti untuk kehidupan yang lebih baik. Matlamat utama pembangunan komuniti itu sendiri dilihat untuk membangunkan keupayaan komuniti dengan memaksimumkan

penggunaan sumber demi kebaikan mereka secara sosial dan ekonomi (Rahim & Asnarulkhadi, 2003).

Penglibatan organisasi bukan kerajaan dalam aktiviti berasaskan komuniti, khususnya yang melibatkan TSK dilihat penting dalam mewujudkan pasaran yang lebih kompetitif dan meningkatkan status ekonomi individu yang memerlukan malah turut memberi sumbangan kepada pembangunan sumber manusia dan komuniti (Maimunah et.al, 2013). TSK juga diperkukuhkan lagi dengan kerjasama antara kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta untuk memastikan kelestarian ekonomi dalam jangka panjang (NEAC, 2010). Dalam Laporan Tahunan Yayasan Sejahtera (YS) (2009-2011) menjelaskan penubuhan YS di bawah naungan *Putrajaya Committee on GLC High Performance (PCG)* bersama Khazanah Nasional Berhad (KNB) ditubuhkan sebagai satu platform kepada GLCs, GLICs, dan syarikat korporat di Malaysia ke atas tanggungjawab sosial korporat dalam aspek pembangunan komuniti. Terdapat pelbagai organisasi lain yang terlibat dalam komponen pembangunan komuniti oleh TSK iaitu Yayasan Chow Kit (2008) yang dikenali sebagai pusat aktiviti kanak-kanak, Orphan Care (2011) yang berfokuskan kepada proses deinstitutionalisation kanak-kanak kepada keluarga, Women of Will (2014) yang memberi bantuan pinjaman perniagaan kepada golongan wanita yang kurang berkemampuan, Protect & Save the Children (2016) dalam usaha mendayaupayakan golongan kanak-kanak dan belia OKU, Women Aid Organisation (2016) yang menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada golongan mangsa keganasan bagi kanak-kanak dan wanita, Smart Parents (2017) yang berfokuskan pendidikan keibubapaan dan Good Shepherd Services (2017) yang berfokuskan kepada perlindungan dan pendayaupayaan kanak-kanak di Tambunan, Sabah (Laporan Hasanah, 2017). Kesemua organisasi tersebut melibatkan penglibatan komuniti melalui program dan aktiviti sebagai proses membawa perubahan hidup yang lebih baik.

Penglibatan komuniti dikaitkan dengan proses yang berlaku dalam pembangunan komuniti yang menekankan bahawa komuniti bergerak dari satu tahap ke satu tahap yang lebih baik dan perubahan tersebut membolehkan individu dan komuniti memahami dan menyelesaikan masalah serta membentuk suasana baru dalam kehidupan mereka (Homan 1999; Marti-Costa & Serrano-Garcia, 1983) dan perubahan yang dijangkakan juga merangkumi perubahan sikap dan tingkah laku (Quick & Bryson, 2016). Perubahan yang berlaku membawa kemajuan dalam aspek ekonomi, sosial dan kemanusiaan (Maimunah, 1999; Muhammad Fadhil, 1995; Asnarulkhadi, 1998). Kemajuan dalam aspek ekonomi dapat diperhatikan melalui peningkatan pendapatan sesebuah komuniti. Justeru itu, pembangunan ekonomi umumnya merujuk kepada aktiviti yang berusaha untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan per kapita isi rumah (Phillip & Pittman, 2009). Sementara itu, kemajuan sosial pula melibatkan perubahan cara hidup melalui peningkatan dalam sistem perhubungan sosial dalam dan luar komuniti. Peningkatan dalam kecekapan, keupayaan, kemahiran, pengetahuan dan pengalaman dalam kalangan anggota komuniti merupakan gambaran perubahan kemanusiaan (Craig, 1996). Perubahan yang berlaku dalam semua aspek tersebut bersesuaian dengan kehidupan manusia yang sentiasa berusaha meningkatkan kualiti hidup sesuai dengan peranannya (Muhammad Fadhil, 1995; Homans, 1950).

Dalam pembangunan komuniti, pertimbangan perubahan komuniti juga tertakluk kepada perubahan dinamik berkaitan matlamat yang telah ditentukan bersama (Buikstra et al., 2010, Magis, 2010). Aspek penglibatan komuniti dapat membantu membentuk perubahan dan juga kapasiti sebahagian daripada individu tempatan untuk membuat pengawalan terhadap kehidupan mereka, membawa keadilan dan menjangka masalah yang mendatang (Hayes, 1981). Bess et al. (2011) melihat penglibatan merupakan saluran ahli-ahli komuniti memperoleh ilmu pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan mereka untuk membuat keputusan, menguruskan sumber serta memantapkan interaksi dan penyelarasan.

## 1.2 Latar Belakang Yayasan Sejahtera

Yayasan Sejahtera (YS) ditubuhkan pada Ogos 2009 sebagai organisasi TSK bagi Khazanah Nasional Berhad (KNB) (Laporan Tahunan Hasanah, 2017). YS merupakan salah satu organisasi dibawah naungan Yayasan Hasanah (YH) yang melaksanakan projek pembangunan komuniti bagi Khazanah Nasional Berhad (KNB) yang juga terdiri daripada beberapa organisasi TSK lain merangkumi pendidikan, pembangunan komuniti, persekitaran, kebudayaan dan warisan, pengetahuan, pembinaan kapasiti dan perniagaan sosial. Objektif utama penubuhan YS adalah untuk memastikan komuniti mendapat akses keperluan asas hidup dan menyokong pembentukan kelestarian komuniti terutama bagi komuniti miskin di Malaysia. YS mendapat tajaan dan dana daripada syarikat-syarikat swasta, badan-badan bukan kerajaan dan badan-badan korporat Malaysia. YS juga telah bekerjasama dan membentuk jaringan dengan badan-badan dan organisasi lain dalam melaksanakan projek komuniti.

Peserta di bawah program YS juga terdiri daripada peserta yang disenaraikan dalam E-Kasih iaitu dalam kategori miskin tegar<sup>1</sup>. Pengukuran kemiskinan di Malaysia menggunakan garis kemiskinan yang didefinisikan sebagai ketidakcukupan sumber pendapatan bagi memenuhi keperluan asas hidup seperti makanan, pakaian, perumahan dan kesihatan (Laily & Sharifah Aziziah, 2010). Pendapatan menggunakan garis kemiskinan juga menjadi kriteria penting yang digunakan oleh pihak kerajaan (Mohamed Saladin et al, 2011; Ragayah, 2007; Osman Rani & Abd. Majid, 1991) untuk menyalurkan projek-projek pembasmian kemiskinan kepada golongan miskin di negara ini (Unit Penyelarasan Pelaksanaan, 2009). Oleh yang demikian, penubuhan Yayasan Sejahtera selaras dengan konsep pembangunan komuniti di mana pembangunan yang dilihat daripada sudut kemajuan lebih memberi tumpuan kepada transformasi

---

<sup>1</sup> Miskin tegar merujuk kepada pendapatan bulanan isi rumah di bawah RM607 sebulan dengan pendapatan per kapita di bawah RM154 ke bawah (Semenanjung Malaysia), pendapatan bulanan isi rumah RM684 sebulan dengan pendapatan per kapita di bawah RM150 ke bawah (Sabah & Labuan) dan pendapatan bulanan isi rumah RM725 sebulan dengan pendapatan per kapita di bawah RM174 ke bawah (Sarawak)- dan pendapatan bulanan isi rumah RM620 sebulan dengan pendapatan per kapita di bawah RM155 ke bawah (Malaysia) Sumber:Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri tahun 2018 di bawah Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES).

ekonomi, sosial dan psikologi dalam komuniti yang bersifat holistik sebagai usaha meningkatkan kesejahteraan mereka. Usaha pembangunan komuniti yang dilaksanakan dan dibangunkan sama ada terdiri daripada inisiatif komuniti itu sendiri dan juga diusahakan dan campur tangan dengan pihak kerajaan atau badan organisasi yang terbabit. Peranan badan bukan kerajaan sebagai rakan kongsi dalam pembangunan komuniti telah berkembang melibatkan program rasmi, pembiayaan program dan kerjasama dan jaringan dalam pembangunan tersebut (Kindornay dan Reilly King, 2013; Blowfield dan Dolan, 2014).

Misi organisasi YS terdiri daripada empat aspek dalam pencapaian matlamat organisasi mereka iaitu:-

- 1) Menguruskan projek berimpak tinggi kepada komuniti yang terpilih.
- 2) Bekerjasama dengan badan holistik sebagai strategi rakan kongsi dalam menyokong keperluan komuniti miskin dan miskin tegar.
- 3) Menjadi pusat hubungan organisasi sebagai penyumbang sumber kepada masalah kemiskinan.
- 4) Mengetuai platform dalam pengalaman pembelajaran untuk mengatasi kemiskinan dan melaksanakan kelestarian komuniti.

Kesemua misi tersebut merupakan gabungan usaha mewujudkan kelestarian komuniti di mana dalam mencapai matlamat kelestarian tersebut, peserta projek perlu berdayaupaya melalui pembangunan kemahiran yang diberikan (Laporan Awal Penubuhan Yayasan Sejahtera 2009-2011). Misi yang ditetapkan juga adalah selari dengan objektif organisasi. Empat objektif yang ditetapkan dalam pencapaian misi organisasi YS ialah yang pertama, memastikan komuniti atau peserta YS mempunyai akses kepada keperluan asas dalam kehidupan dan menikmati sebagai kualiti kehidupan yang minimum. Kedua, adalah untuk menyokong pembentukan persekitaran yang lestari bagi komuniti yang mundur di Malaysia. Seterusnya objektif ketiga, berusaha menyampaikan mandat yang telah diberikan oleh badan GLC (*Government Linked Company*), GLIC (*Government Linked Investment Companies*) dan badan-badan korporat Malaysia. Keempat, untuk bekerjasama sebagai rakan kongsi dengan peserta projek dan komuniti awam dalam memperkayakan dan memaksimumkan faedah program. Kesemua objektif tersebut berperanan dalam mencapai misi organisasi yang telah ditetapkan sebagai usaha mewujudkan komuniti mampan melalui pendayaupayaan komuniti itu sendiri.

Yayasan Sejahtera juga telah mengenalpasti tiga negeri yang mencatatkan jumlah keluarga tertinggi yang mempunyai pendapatan rendah melalui senarai E-Kasih iaitu Kelantan, Sabah dan Sarawak. Ketiga-tiga negeri ini dijadikan tumpuan dan fokus dalam program YS. Terdapat tiga modul oleh YS yang menekankan pendekatan yang holistik bagi mencapai misi dan objektif organisasi :-

- 1) Memberi sokongan kehidupan yang lestari – untuk membasmi kemiskinan yang menggalakkan aktiviti ekonomi yang berdikari, membina kapasiti melalui kemahiran dan pekerjaan atau menyediakan akses kepada modal bagi perniagaan kecil-kecilan. Kebanyakan keluarga dalam program YS melakukan perniagaan secara kecil-kecilan seperti penanaman dan pertanian untuk

- meneruskan kehidupan di luar bandar. Peranan YS dalam hal ini adalah berusaha menambah kapasiti melalui aktiviti yang lebih produktif dan lebih memberi keuntungan kepada mereka.
- 2) Memberi sokongan keperluan asas makanan – YS membantu melalui pemberian sokongan dalam diet yang diperlukan oleh setiap keluarga melalui inovatif komuniti dan rumah berasaskan pertanian samada melalui tanaman dalam pasu mahupun sekitar kawasan perumahan.
  - 3) Menyediakan perkhidmatan asas komuniti – YS menyediakan keperluan asas dalam perkhidmatan seperti keperluan mendapatkan sumber air yang bersih melalui kaedah inovatif dan boleh dimiliki. Dengan akses kepada keperluan asas ini dapat memudahkan peserta program untuk mengikuti projek yang boleh meningkatkan lagi dan menjana pendapatan yang lebih baik kepada keluarga mereka.

Daripada modul yang dinyatakan, kajian ini melibatkan modul pertama iaitu modul *Supporting Sustainable Livelihoods* yang selari dengan objektif kajian yang dilaksanakan berkaitan penglibatan dan pendayaupayaan peserta melalui modal insan (pengetahuan, kemahiran dan kebolehan) yang diperolehi daripada projek yang disertai. Modul tersebut juga menekankan pembentukan keupayaan peserta dalam mencapai perubahan hidup yang bersifat mampan.



### 1.3 Penyataan Masalah

Isu pembangunan luar bandar menjadi perhatian dan agenda utama kebanyakan negara. Pihak kerajaan umumnya memberikan penekanan terhadap peranan dan penglibatan komuniti tempatan dalam membangunkan kawasan luar bandar (Kalsom dan Nor Ashikin, 2006). Pelbagai strategi dan projek seperti aktiviti pertanian, pengkomersilan dan program pembangunan diperkenalkan bertujuan meningkatkan perubahan hidup yang lebih baik kepada komuniti. Berdasarkan kepada konsep penglibatan komuniti, pembangunan merujuk kepada proses perubahan di mana peningkatan penglibatan secara kuantiti dan kualiti merupakan salah satu manifestasi perubahan diri komuniti (Quick dan Bryson, 2016). Dalam hal ini, program mahupun projek dan aktiviti merupakan medium penglibatan melalui komuniti sebagai penggerak.

Program bersifat pembangunan komuniti di Malaysia banyak dilaksanakan oleh JKMM (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia) iaitu pertubuhan kerajaan yang memberi fokus utama kepada komuniti setempat, komuniti miskin, komuniti bermasalah, pertubuhan kebajikan masyarakat dan komuniti korporat atau swasta (Noraini, 2006). Antara program tersebut adalah program pemulihan dalam komuniti, program organisasi komuniti, pusat jagaan harian warga emas, pusat aktiviti kanak-kanak dan program pembangunan ekonomi komuniti. Perkhidmatan yang diberikan oleh pelbagai pihak kepada sesebuah komuniti biasanya meliputi aspek material seperti kecukupan asas keperluan hidup dan aspek bukan material seperti pendidikan dan kesihatan (Baker, 1989:48). Selain daripada pihak kerajaan, terdapat pelbagai pihak lain termasuk pihak agensi swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan penduduk tempatan yang juga terlibat dalam membangunkan sesebuah komuniti dengan matlamat memperbaiki dan meningkatkan kualiti hidup ahli-ahli komuniti berkenaan. Secara asasnya, pembangunan komuniti merupakan satu proses penggembleran usaha dan kerjasama kolaboratif pelbagai agensi (kerajaan, swasta dan NGO) dengan program pembangunan keupayaan dan potensi individu dan komuniti melalui pendekatan penglibatan komuniti sebagai landasan pembelajaran yang kukuh bagi mendayaupayakan ahli – ahli komuniti bertindak dan membuat keputusan sendiri untuk memperbaiki kualiti hidup individu, keluarga dan komuniti berkenaan (Rahim, 2011).

Sementara itu, antara matlamat strategi pembangunan adalah pembasmian dan pengurangan kemiskinan yang telah difokuskan sekian lama dalam kebanyakan negara dan agensi pembangunan antarabangsa (Chamhuri, 2004). Pelbagai program daripada pelbagai sektor telah terlibat dalam proses pembasmian kemiskinan di negara kita. Roziah dan Doling (2000) menilai dasar sosial yang dilaksanakan oleh kerajaan bukan sahaja berupaya memperbaiki sektor ekonomi seperti kadar faedah, pengangguran, pelaburan atau struktur industri, malah berupaya menambah pendapatan yang dapat menyumbang kepada pencapaian matlamat sosial dan memberi impak kepada pembangunan komuniti. Program pembasmian kemiskinan semasa adalah di bawah rangka kerja Dasar Wawasan Negara (DWN) 2001-2020 yang meletakkan strategi utama pembasmian kemiskinan dan pembangunan yang seimbang melalui perpaduan nasional. Kesenambungan dasar ini dalam konteks pembangunan komuniti juga boleh dilihat kepada Dasar Pembangunan Luar Bandar (2019) yang berfokuskan pendayaupayaan komuniti luar bandar bagi menikmati kesejahteraan hidup dalam aspek ekonomi,

modal insan dan pembangunan diri (modal insan). Selain itu, Dasar Kemakmuran Bersama (2020) pula menekankan kemakmuran bersama secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif dalam semua peringkat kumpulan komuniti dan lokaliti melalui pelbagai usaha yang dirancang dengan kolaborasi pelbagai pihak dalam menyediakan kerangka kerja dan program yang bersesuaian. Dasar ini juga menekankan pengurangan jurang kemiskinan melalui objektif kedua yang berfokuskan kepada menangani jurang ekonomi dalam semua lapisan masyarakat dan meningkatkan keupayaan mereka agar tidak ketinggalan.

Pada asasnya, kemiskinan berlaku di negara maju mahupun negara membangun seperti Malaysia, Indonesia, Thailand, dan Filipina. Menurut laporan ASEAN Secretariat (2015) menunjukkan kemiskinan sebanyak 1.37% di Malaysia, 11.3% di Indonesia, 24.1% di Filipina dan 9.2% di Thailand (ASEAN Secretariat, 2015). Walaupun kadar kemiskinan di Malaysia menunjukkan peratusan yang kecil, namun masih wujud beberapa isu yang berkaitan dengan impak program pembasmian kemiskinan terhadap kualiti hidup kumpulan sasaran. Isu yang paling utama adalah mengenai keupayaan program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan dalam mengubah keadaan hidup komuniti miskin (Mohamad Zahir, 2016). Jika dilihat takrifan konsep kemiskinan, ia merujuk kepada isu sejagat masyarakat yang mempunyai kehidupan yang berbeza, dan pengukuran kemiskinan multidimensi diperlukan dalam menganalisis jurang di antara pembangunan dan dasar dalam sesebuah negara (Nadia et al., 2011). Oleh itu, ukuran bagi kemiskinan haruslah tepat bagi menggambarkan realiti sebenar kemiskinan mengikut konteks sesebuah masyarakat. Ini kerana ia akan memberi kefahaman yang jelas berkaitan dengan kemiskinan agar dasar-dasar yang akan dibentuk diyakini akan dapat menyelesaikan masalah kemiskinan yang dihadapi (Alkire & Foster 2011).

Malaysia telah memperkenalkan pelbagai program pembasmian kemiskinan bagi membantu ahli komuniti menikmati keadaan hidup yang lebih baik atau berkualiti. Antara program-program pembangunan yang dilaksanakan bagi membasmi kemiskinan komuniti adalah pembangunan tanah melalui FELCRA (*Federal Land Consolidation dan Rehabilitaton Authority*), FELDA (*Federal Land Development Authority*), RISDA (*Rubber Industry Smallholders Development Authority*), Program Perumahan Rakyat Termiskin, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat, Gerakan Desa Wawasan, pembangunan orang asli dan program pembasmian kemiskinan bandar dan luar bandar. Pelaksanaan program-program tersebut telah menyumbang kepada penurunan kadar kemiskinan di mana kadar kemiskinan menunjukkan penurunan kepada 5.6% (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2019).

Sementara itu, badan bukan kerajaan atau NGO juga terlibat dalam proses pembangunan komuniti di Malaysia terutama dalam mengurangkan kadar kemiskinan. Kebanyakan daripada badan bukan kerajaan tersebut terdiri daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) yang kebanyakannya dilakukan oleh syarikat swasta (Radieh, 2013). Sehubungan dengan itu, sebagai sebuah organisasi bukan kerajaan yang berperanan melaksanakan TSK, penubuhan YS juga berfokuskan kepada pembangunan komuniti yang memberi penekanan kepada dua aspek iaitu memperbaiki keperluan serta kemudahan asas dan meningkatkan kualiti hidup yang bersifat mampan melalui pembentukan keupayaan komuniti terutama dalam kalangan komuniti terpinggir dan

misikin. YS menggunakan pendekatan pendayaupayaan komuniti dalam mencapai matlamat pembangunan yang bersifat mampan melalui pembangunan modal insan (*hard skills & soft skills*) yang dipercayai mampu untuk memperbaiki kualiti hidup komuniti (Laporan Tahunan YS 2009). Sehubungan itu, matlamat program dan projek yang dilaksanakan oleh YS selari dengan pembangunan komuniti yang antaranya menekankan aspek pendayaupayaan dalam kalangan komuniti. Golongan komuniti yang terlibat dalam projek telah menyertai aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial termasuk penjana pendapatan tambahan dengan bantuan dan bimbingan daripada pihak YS. Antara bentuk faedah yang diterima oleh peserta ialah bantuan peralatan aktiviti ekonomi yang diusahakan dan juga pelbagai bentuk latihan dan kursus yang sejajar dengan keperluan komuniti. Menerusi penglibatan komuniti dalam aktiviti-aktiviti tersebut, berkemungkinan komuniti berpeluang membina keupayaan setelah bertambah pengetahuan, kemahiran dan kebolehan komuniti daripada penglibatan mereka dalam projek tersebut.

Terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan TSK di Malaysia tetapi masih tiada kajian yang berkaitan dengan pendayaupayaan komuniti dalam projek yang disertai. Kajian TSK yang ada di Malaysia terhad kepada aspek kepelbagaian pendekatan TSK syarikat industri (Saleh, 2009; Said et al., 2009) dan laporan sosial korporat (Zulkifli dan Amran, 2006; Amran dan Abdul Khalid, 2009) dan kajian TSK tentang persepsi pihak berkepentingan terhadap TSK dalam konteks Islam (Dusuki, 2006; Siwar dan Hossain, 2009). Terdapat juga kajian berkaitan sikap pengurus Malaysia terhadap TSK (Abdul Rashid dan Ibrahim, 2002) yang menunjukkan bahawa 93.1% sampel kajian mengetahui program TSK, walaupun mereka tidak memahami sepenuhnya kepentingannya. Sementara itu, kajian mengenai program TSK yang berkaitan dengan pembangunan komuniti oleh Maimunah (2009) menunjukkan bahawa program TSK telah mampan di negara maju, namun inisiatif tersebut masih baru dilaksanakan di Malaysia.

Kajian oleh Sarmila (2012) pula melihat TSK dalam konteks pembangunan ekonomi komuniti secara kajian kes yang memberi fokus kepada kesan penglibatan peserta terhadap perubahan dalam aspek ekonomi komuniti seperti penambahan peluang pekerjaan, peluang menjana sumber pendapatan dan penjana aset. Kajian tersebut melihat kepada aspek keupayaan ekonomi komuniti sebagai aspek tunggal dalam konteks TSK dan pembangunan komuniti. Oleh itu, penyelidik menganggap kajian empirikal yang berkaitan dengan projek komuniti oleh TSK perlu dilaksanakan dalam konteks keupayaan komuniti yang lebih meluas berdasarkan fungsi penubuhan TSK yang mempunyai kemampuan dan potensi terhadap manfaat komuniti (Muthuri dan Gilbert, 2011). Salah satu usaha pembangunan komuniti adalah melalui projek komuniti (Maimunah 2009; Hamann 2006 dan Barney 2003) yang merupakan satu proses pembangunan yang dinamik melalui penglibatan dan melibatkan satu perubahan yang bersifat progresif dan menyeluruh ke atas komuniti (Sharp, 2006; Blowfied & Frynas, 2005).

Oleh itu, kajian ini memberi fokus kepada pendayaupayaan komuniti dalam aspek yang lebih holistik melalui penglibatan mereka dalam projek komuniti tersebut. Konsep penglibatan dalam aktiviti bermula dengan kedudukan tahap minimum iaitu “perundingan” antara organisasi dengan komuniti diikuti tahap yang paling tinggi iaitu

“pendayaupayaan” yang merujuk kepada keupayaan dalam menentukan proses pembangunan (Cole, 2006). Proses pembangunan merujuk kepada proses yang mana individu, kumpulan dan/atau komuniti mempunyai keupayaan menentukan kehidupan mereka dan mencapai matlamat yang diinginkan yang mana dapat meningkatkan taraf kehidupan mereka (Adam, 1990). Ia juga dilihat sebagai satu kebolehan individu mengawal kehidupan mereka dalam aspek sosial, ekonomi dan psikologi melalui i) akses kepada maklumat, pengetahuan dan kemahiran, ii) pembuatan keputusan, iii) efikasi diri, iv) penglibatan komuniti dan pengawalan kehidupan (Rappaport 1987; Zimmerman & Rappaport, 1988). Dalam erti kata lain, pendayaupayaan terbentuk hasil daripada proses perubahan yang berlaku di mana individu atau kumpulan dapat meningkatkan kuasa dan kebolehan dalam membuat pilihan yang memberi kesan dalam hidup mereka (Nikkhah, 2009). Malah menerusi pendayaupayaan juga menghasilkan peningkatan tahap keyakinan, estim diri dan sikap proaktif (Yusoff & Aziz, 2012).

Kajian ini mengkaji pendayaupayaan dalam tiga dimensi iaitu ekonomi, sosial dan psikologi sebagai pendekatan yang lebih holistik dan mampan dalam kalangan komuniti peserta projek. Di samping itu juga, ketiga-tiga aspek pendayaupayaan tersebut adalah selari dengan falsafah dan matlamat YS yang berfokuskan pembangunan yang bersifat mampan menerusi pembentukan pendayaupayaan. Kajian terkini oleh Fauziah (2016) juga mengkaji ketiga-tiga aspek pendayaupayaan tersebut dalam konteks organisasi berasaskan komuniti (OBK) dalam kalangan ahli pergerakan wanita pekebun kecil di Johor. Kajian tersebut memberi fokus kepada penglibatan dan gaya kepimpinan sebagai faktor terhadap pembentukan pendayaupayaan dalam kalangan komuniti wanita. Selain itu, terdapat juga kajian pendayaupayaan yang berfokus kepada dimensi ekonomi dan psikologi (Peterson & Speer, 2000; Peterson & Hughey, 2004; Cheung & Mok, 2005; Moyle, Dolland & Biswas, 2006; Mok & Sing, 2006; Christen, Peterson & Speer, 2011).

Sementara itu, kajian ini juga berfokuskan kepada penglibatan yang mana penglibatan komuniti bertujuan meningkatkan taraf hidup keseluruhan ahli komuniti (Asnarulkhadi, 2005) selaras dengan matlamat utama pembangunan komuniti untuk membangunkan keupayaan dan potensi diri komuniti. Penglibatan juga merupakan satu proses merangkumi pembuatan keputusan, pelaksanaan program, memperolehi faedah dan membuat penilaian (Cohen dan Uphoff, 1977). Peserta projek YS melalui proses penglibatan yang sama iaitu bermula daripada pembuatan keputusan dalam perancangan dan aktiviti projek, pelaksanaan projek dan juga penerimaan faedah yang merujuk kepada bentuk faedah material dan bukan material yang diperolehi sepanjang penglibatan tersebut. Kajian ini mengkaji aspek penglibatan dalam konteks TSK kerana dalam pembangunan komuniti, kajian penglibatan penting sebagai peluang dalam pembentukan pendayaupayaan dalam kalangan komuniti (Juaenah & Ong, 2012). Oleh itu, sebagai organisasi TSK yang melaksanakan pembangunan komuniti, apakah praktis ini juga menjadi amalan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan komuniti yang dilaksanakan dan sejauhmana amalan ini berlaku.

Justeru itu, kajian ini menilai sejauh mana proses penglibatan itu mempengaruhi pembentukan pendayaupayaan komuniti. Pendayaupayaan komuniti juga berdasarkan kepada tahap penglibatan yang mempengaruhi tahap pendayaupayaan yang terbentuk. Fokus kajian ini menilai sejauhmana komuniti mempunyai keupayaan untuk berubah ke

arah yang lebih baik daripada penglibatan mereka dalam projek yang disertai. Selain itu, kajian lepas juga ada menunjukkan hubungan yang signifikan antara penglibatan dan pendayaupayaan (York, 2000; Laverack, 2001; Hardina, 2003; Asnarulkhadi, 2006; Nikkhah, 2009; Armstead & Allen, 2012; dan Fauziah, 2016). Manakala skop yang ingin dilihat dalam kajian ini ialah sejauhmana penglibatan dalam aktiviti-aktiviti program dapat membantu meningkatkan taraf kehidupan diri dan keluarga serta komuniti menerusi pendayaupayaan yang terbentuk. Penyelidik juga ingin menentukan adakah tempoh penglibatan atau jangka masa yang relevan bagi peserta program YS dalam mempertingkatkan pendayaupayaan dalam aspek ekonomi, sosial dan psikologi.

Selain itu, kajian ini juga memberi fokus kepada aspek modal insan sebagai mediator dalam hubungan antara penglibatan dan pendayaupayaan. Ini kerana modal insan merupakan salah satu perkhidmatan yang diberikan dalam projek YS dan ia merupakan satu bentuk perkhidmatan khusus kepada pembangunan sumber daya komuniti melalui program latihan dan peningkatan keupayaan dan potensi individu, keluarga dan komuniti dalam jangka masa pendek dan panjang (Rahim dan Asnarulkhadi, 2008). Modal insan peserta projek merangkumi pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang diperolehi dan diperkembangkan sepanjang penglibatan mereka dengan projek. Asnarulkhadi (2012) menyatakan bahawa pendayaupayaan sebagai proses meningkatkan daya manusia di mana daya manusia boleh diperkembang dan dipertajam semasa ahli komuniti menjayakan projek menerusi penglibatan mereka. Menerusi proses inilah pengalaman, kebolehan, kemahiran dan pengetahuan bertambah sekaligus meningkatkan daya dan potensi dalam diri. Justeru itu, modal insan memberi kesan kepada pembentukan keupayaan seseorang individu dan mampu melahirkan komuniti yang lebih berpengetahuan dan berkemahiran dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan setempat (Rozailin & Junaidah, 2016). Oleh itu, kajian berkaitan aspek modal insan dalam hubungan antara penglibatan dan pendayaupayaan diberi fokus untuk lebih memahami secara mendalam terhadap proses pembangunan komuniti yang berlaku dalam konteks projek YS sebagai salah satu organisasi yang berperanan sebagai TSK.

Kajian ini juga turut meneroka teori utama iaitu pendekatan penghidupan mampan dalam konteks organisasi YS dengan komuniti. Kepelbagaian kelompok dalam sesebuah program atau projek dikatakan sebagai satu komuniti kerana melalui proses perancangan dan objektif yang sama serta berkongsi keperluan dan kepentingan secara bersama (Laverack, 2001). Dalam pendekatan penghidupan mampan, ia memberi tumpuan ke atas cara untuk memahami realiti komuniti dalam melakukan sesuatu untuk terus hidup, aset yang boleh diperolehi dan mengenalpasti masalah yang dihadapi (Farrington, Ramasut & Walker, 2002) dalam kehidupan mereka. Justeru itu, YS merupakan satu entiti yang bertindak balas dengan keadaan komuniti melalui penilaian terhadap keperluan mereka untuk memberi perubahan kehidupan ke arah yang lebih baik menerusi aktiviti projek yang dilaksanakan terhadap komuniti.

Dalam prinsip penghidupan mampan oleh UNDP (2007), ia berfokuskan kepada manusia sebagai fokus utama pembangunan, memahami kehidupan secara menyeluruh, memahami dinamika kehidupan komuniti, mengoptimumkan potensi komuniti, menyelaras kebajikan makro dan mikro serta mewujudkan kehidupan yang mampan. Pembangunan mampan juga memberi penekanan kepada pembangunan seimbang antara

aspek ekonomi dan aspek sosial dalam sesebuah negara. Atas dasar ini, konsep dan pendekatan pembangunan menjadi alatan (*tool*) utama kesejahteraan sosial dan ekonomi sesebuah komuniti atau negara. Midgley (2014) mengatakan pembangunan sosial adalah satu proses perubahan yang dirancang untuk mempromosikan kesejahteraan komuniti secara keseluruhan dalam konteks pembangunan yang dinamik. Kajian yang berfokuskan kepada konsep penghidupan mampan ini dikaji melalui usaha yang dilakukan oleh pihak YS dan sejauhmana ia bersifat komprehensif dan dinamik dalam konteks kehidupan komuniti yang terlibat dengan projek tersebut. Oleh itu, konteks penghidupan mampan komuniti yang merangkumi keupayaan komuniti, aset (sumber dan akses) dan aktiviti yang terlibat dalam kelangsungan kehidupan dan penghidupan mampan komuniti juga dilihat secara tidak langsung dalam kajian ini (Chambers dan Conway, 1992).

Kesimpulannya, walaupun terdapat banyak kajian yang menjadikan pendayaupayaan sebagai permasalahan kajian, namun dalam konteks penghidupan mampan dan projek pembangunan komuniti TSK di Malaysia khususnya masih belum dikaji lagi. Malahan kajian yang sedia ada melihat kajian TSK secara umum dan tidak secara terperinci mengikut kategori projek TSK (Maimunah et. al, 2013). Atas keperluan ini (Armstead dan Allen, 2012; Junaenah, 2012; Nikkhah, 2009; Berkowiz, 2000; Perkins dan Zimmerman, 1995) berpendapat walaupun kajian lepas membuktikan pendayaupayaan dan penglibatan mempunyai hubungan yang signifikan namun perlu ada kajian lain dalam menilai hubungan tersebut dalam konteks tersendiri. Justeru itu, kajian ini secara tidak langsung dapat mengisi kelompangan teoritikal menerusi kerangka konseptual yang sesuai dengan menggunakan teori pendayaupayaan Rappaport (1987) yang menggabungkan tiga dimensi (ekonomi, sosial dan psikologi), konsep penglibatan Cohen & Uphoff (1971) dan konsep modal insan (Green & Haines 2012).

Oleh itu, berdasarkan permasalahan tersebut timbul beberapa persoalan yang berkaitan dengan kajian. Pertama, adakah melalui penglibatan dalam projek YS peserta berupaya dalam aspek ekonomi termasuk perolehan pendapatan dan mempunyai aset serta simpanan secara berterusan. Kedua, dalam aspek sosial, adakah ikatan hubungan sesama ahli terbentuk dalam setiap program yang dianjurkan serta mampu bertindak secara kolektif, berkongsi pengalaman bagi mengatasi permasalahan yang wujud dalam kehidupan mereka. Ketiga, dalam aspek psikologi, adakah peserta berupaya meningkatkan estim diri, bersikap proaktif dan efikasi diri (kawalan diri), dalam mengambil tindakan terhadap masalah dan keperluan hidup mereka yang mengizinkan perubahan yang lebih baik. Berdasarkan kepada permasalahan yang timbul, penyelidik mengemukakan beberapa persoalan kajian untuk menjawab objektif kajian dalam bahagian seterusnya.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berdasarkan daripada permasalahan kajian yang telah dinyatakan, maka kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah tahap penglibatan (pembuatan keputusan, pelaksanaan & penerimaan faedah) peserta dalam aktiviti-aktiviti projek YS?
2. Apakah tahap pendayaupayaan (ekonomi, sosial & psikologi) peserta projek YS?
3. Apakah tahap modal insan (pengetahuan, kemahiran & kebolehan) yang dimiliki oleh peserta projek YS?
4. Adakah wujudnya hubungan penglibatan dengan pendayaupayaan peserta projek YS?
5. Adakah terdapat perbezaan antara pendayaupayaan ekonomi, sosial dan psikologi berdasarkan tempoh penglibatan peserta projek YS?
6. Adakah penglibatan merupakan peramal kepada pendayaupayaan peserta projek YS?
7. Adakah modal insan merupakan peramal kepada pendayaupayaan peserta projek YS?
8. Adakah modal insan bertindak sebagai mediator dalam hubungan antara penglibatan dan pendayaupayaan peserta projek YS?

## 1.5 Objektif Kajian

### Objektif Utama

Secara amnya, objektif kajian ini adalah untuk menentukan penglibatan yang terdiri daripada pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah yang mempunyai hubungan dan menjadi peramal unik ke atas pendayaupayaan ekonomi, sosial dan psikologi peserta Yayasan Sejahtera (YS). Kajian ini juga menentukan sejauhmana modal insan bertindak sebagai mediator dalam hubungan antara penglibatan dan pendayaupayaan.

### Objektif Khusus

1. Menentukan tahap penglibatan (pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah), tahap modal insan (pengetahuan, kemahiran dan kebolehan) dan tahap pendayaupayaan (ekonomi, sosial dan psikologi) dalam kalangan peserta YS.
2. Menentukan hubungan penglibatan (pembuatan keputusan, pelaksanaan & penerimaan faedah) dan pendayaupayaan (ekonomi, sosial & psikologi) dalam kalangan peserta YS.
3. Menentukan perbezaan tempoh penglibatan ke atas pendayaupayaan (ekonomi, sosial dan psikologi) dalam kalangan peserta YS.
4. Menentukan faktor peramal unik ke atas pendayaupayaan dalam kalangan peserta YS.
5. Menentukan kesan mediator modal insan ke atas hubungan antara penglibatan dan pendayaupayaan.



## 1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif di atas, berikut merupakan hipotesis-hipotesis yang diuji dalam melihat variabel peramal terhadap pendayaupayaan;

### **Hipotesis Bagi Objektif Peramal Pendayaupayaan**

Ho1 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara variabel peramal iaitu pembuatan keputusan dengan pendayaupayaan ekonomi.

Ho2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara variabel peramal iaitu pelaksanaan dengan pendayaupayaan ekonomi.

Ho3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara variabel peramal iaitu penerimaan faedah dengan pendayaupayaan ekonomi.

Ho4 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara variabel peramal iaitu pembuatan keputusan dengan pendayaupayaan sosial.

Ho5 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara variabel peramal iaitu pelaksanaan dengan pendayaupayaan sosial.

Ho6 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara variabel peramal iaitu penerimaan faedah dengan pendayaupayaan sosial.

Ho7 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara variabel peramal iaitu pembuatan keputusan dengan pendayaupayaan psikologi.

Ho8 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara variabel peramal iaitu pelaksanaan dengan pendayaupayaan psikologi.

Ho9 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara variabel peramal iaitu penerimaan faedah dengan pendayaupayaan psikologi.

### **Hipotesis bagi Objektif Hubungan Antara Variabel dan Mediator**

Ho10 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara variabel peramal iaitu pembuatan keputusan dengan modal insan.

Ho11 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara variabel peramal iaitu pelaksanaan dengan modal insan.

Ho12 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara variabel peramal iaitu penerimaan faedah dengan modal insan.

Ho13 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara variabel peramal iaitu modal insan dengan pendayaupayaan ekonomi.

Ho14 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara variabel peramal iaitu modal insan dengan pendayaupayaan sosial.

Ho15 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara variabel peramal iaitu modal insan dengan pendayaupayaan psikologi.

### **Hipotesis bagi Objektif Mediator**

H16 : Modal insan tidak bertindak sebagai mediator dalam hubungan antara pembuatan keputusan dengan pendayaupayaan ekonomi.

H17 : Modal insan tidak bertindak sebagai mediator dalam hubungan antara pelaksanaan dengan pendayaupayaan ekonomi.

H18 : Modal insan tidak bertindak sebagai mediator dalam hubungan antara penerimaan faedah dengan pendayaupayaan ekonomi.

H19 : Modal insan tidak bertindak sebagai mediator dalam hubungan antara pembuatan keputusan dengan pendayaupayaan sosial.

H20 : Modal insan tidak bertindak sebagai mediator dalam hubungan antara pelaksanaan dengan pendayaupayaan sosial.

H21 : Modal insan tidak bertindak sebagai mediator dalam hubungan antara penerimaan faedah dengan pendayaupayaan sosial.

H22 : Modal insan tidak bertindak sebagai mediator dalam hubungan antara pembuatan keputusan dengan pendayaupayaan psikologi.

H23 : Modal insan tidak bertindak sebagai mediator dalam hubungan antara pelaksanaan dengan pendayaupayaan psikologi.

H24 : Modal insan tidak bertindak sebagai mediator dalam hubungan antara penerimaan faedah dengan pendayaupayaan psikologi.

## **1.7 Kesignifikan Kajian**

### **1.7.1 Akademik**

Daripada perspektif teoritis, kajian ini memperluas literatur yang ada dan pengetahuan yang relevan mengenai subjek pendayaupayaan komuniti dalam konteks projek TSK. Kajian ini meningkatkan pemahaman kita berkenaan pendayaupayaan komuniti dan hasil kajian ini memberikan sokongan empirikal terhadap hubungan antara pendayaupayaan dan penglibatan komuniti dalam projek yang disertai. Ini berdasarkan konsep penglibatan dan pendayaupayaan yang digunakan dalam kajian ini memberi gambaran secara holistik dan mendalam dalam konteks berkaitan projek komuniti terutama di kawasan luar bandar dan kelangsungan hidup komuniti.

Secara khusus, kajian ini juga turut menambah literatur berkaitan modal insan daripada penglibatan komuniti dalam projek. Ia merupakan salah satu faktor bagi pengukuran pendayaupayaan komuniti dalam konteks projek berdasarkan latihan dan kemahiran yang diterima sepanjang penglibatan mereka dalam projek tersebut. Pengukuran ini dapat dimanfaatkan berdasarkan nilai kebolehpercayaan dan kesahan kajian untuk mengukur pendayaupayaan komuniti khususnya. Oleh itu, kajian ini memberi landasan penting untuk penyelidikan pada masa hadapan daripada hasil data empirikal yang diperolehi dalam bidang pembangunan komuniti amnya. Selain itu, kajian ini juga dapat membuka ruang lebih banyak kajian pendayaupayaan komuniti dalam kelompok projek komuniti. Ia memberi gambaran berkaitan sosioekonomi peserta projek yang menjadikan penglibatan mereka sebagai medium untuk memperbaiki kualiti hidup.

### 1.7.2 Praktikal

Usaha memberi kesejahteraan hidup kepada komuniti melalui pembangunan disalurkan menerusi pelbagai program dan projek, skim atau rancangan yang menyentuh kehidupan komuniti, namun hasil dan kesannya adalah berbeza mengikut pendekatan dan matlamat yang diinginkan. Kajian ini memberi fokus kepada pendayaupayaan komuniti yang terbentuk dalam diri peserta dan menjadi matlamat organisasi YS yang merupakan salah satu badan organisasi TSK. Melalui penemuan hasil kajian ini dapat memberi gambaran secara menyeluruh berkaitan pendayaupayaan merangkumi ekonomi, sosial dan psikologi kesan daripada penglibatan peserta dalam projek. Walaupun kajian berkaitan penglibatan dan pendayaupayaan komuniti banyak dilakukan di negara sedang membangun, namun hasil kajian mungkin tidak memberi gambaran secara keseluruhan kepada komuniti Malaysia yang mempunyai sejarah pembangunan komuniti dan pendekatan dan matlamat yang berbeza, terutama dalam konteks projek pembangunan komuniti oleh organisasi TSK.

Selain itu, dalam konteks pembangunan komuniti, penglibatan merupakan salah satu aspek yang penting dalam mencapai matlamat dan membawa perubahan hidup komuniti ke arah yang lebih baik. Penglibatan peserta projek YS terdiri daripada komuniti miskin di mana merupakan golongan yang sering diberi perhatian dan memainkan peranan dalam meningkatkan sosioekonomi mereka. Kajian ini mengukur aspek penglibatan dalam kalangan peserta projek YS yang mana dapat memberi gambaran sejauhmana penglibatan dapat menjadi medium dalam pendayaupayaan komuniti. Hasil kajian berkaitan penglibatan dan pendayaupayaan mampu memberi gambaran sejauhmana aktiviti-aktiviti yang dirancang serta dilaksanakan memberi impak yang positif dalam kehidupan mereka. Melalui maklumat ini juga ia dapat membantu YS merancang dan menyusun strategi-strategi yang lebih efektif bagi mendayaupayakan peserta projek khususnya kepada peserta yang kurang aktif dalam penglibatan.

Seterusnya ialah berkaitan input kepada organisasi YS dan juga TSK berkaitan kepentingan aspek modal insan dalam projek pembangunan komuniti. Dalam melaksanakan projek pembangunan komuniti, peserta terlibat secara langsung dengan latihan dan kemahiran yang dikendalikan oleh pihak yang terlibat. Ia dapat memberi input penilaian sejauhmana peranan modal insan membantu meningkatkan keupayaan dan kemampunan kehidupan komuniti. Laporan Dasar Pembangunan Luar Bandar Malaysia (2020) memfokuskan aspek modal insan khususnya projek di luar bandar dengan memberi penekanan kepada pemeraksanaan modal insan yang berkualiti, mampan serta memenuhi keperluan masa hadapan. Oleh itu, organisasi yang terlibat dengan projek pembangunan komuniti khususnya luar bandar perlu memastikan modal insan memainkan peranan yang sebenar dalam membawa perubahan hidup kepada komuniti dan memenuhi matlamat pembangunan komuniti luar bandar. Maklumat berkaitan modal insan dalam kajian ini dapat membantu organisasi YS untuk menilai kembali serta merancang latihan dan kemahiran yang sesuai dengan keperluan komuniti dalam meningkatkan aspek modal insan agar ia bersifat lebih mampan dan selaras dengan kebolehpasaran semasa. Ia juga diharapkan dapat membantu pihak TSK yang terlibat dalam pembangunan komuniti untuk merangka program bagi membangunkan dan memperkukuhkan aspek modal insan dalam kalangan peserta projek komuniti.

Akhir sekali, kajian ini membantu pihak bertanggungjawab seperti Yayasan Sejahtera, GLC, GLIC mahupun NGO dan swasta yang terlibat dengan program-program dan projek-projek pembangunan komuniti mengenal pasti faktor-faktor dan potensi yang mampu mewujudkan pendayaupayaan dalam kalangan komuniti dan boleh memberi impak pembangunan yang lebih bersifat mampan. Ini termasuk pihak pembuat serta penggubal dasar, pihak pengurusan projek, penyelia dan pengamal praktis di organisasi berkaitan projek pembangunan komuniti. Secara tidak langsung, ia memberi pemahaman sebenar tentang bagaimana memperbaiki taraf hidup komuniti ke arah yang lebih baik daripada yang sedia ada. Ia merupakan satu langkah dalam membantu pencapaian matlamat TSK di Malaysia iaitu meningkatkan taraf hidup komuniti melalui penglibatan dalam anjuran pelbagai aktiviti dan program (Abdul Rashid dan Ibrahim, 2002; Mohamed dan Sawandi, 2007). Penemuan hasil kajian ini juga dapat membantu pihak TSK pembangunan komuniti mengenalpasti kaedah, strategi dan program yang dapat memenuhi keperluan komuniti serta memberi manfaat dan memperbaiki kualiti hidup. Penglibatan badan korporat dan swasta dalam program pembangunan komuniti, khususnya yang melibatkan TSK telah terbukti mampu memberi sumbangan dalam aspek pembangunan manusia dan komuniti selain daripada aspek ekonomi (Kuchinke 2010).

## **1.8 Definisi Konseptual dan Operasional**

### **1.8.1 Pendayaupayaan**

#### Definisi Konseptual

Asnarulkhadi (2013) mendefinisikan pendayaupayaan sebagai satu proses di mana individu atau kumpulan dapat melatih keupayaan dan kapasiti mereka untuk memahami, menginterpretasikan masalah yang dihadapi dan kemudian dapat mengenalpasti keperluan mereka dan seterusnya melalui proses tindakan oleh komuniti di mana komuniti melibatkan diri dalam organisasi mereka untuk membuat keputusan, mempengaruhi dan berunding. Menurut Rappaport (1987), keupayaan tersebut merangkumi dimensi ekonomi, sosial, psikologi dan politik dalam diri manusia, organisasi mahupun komuniti.

#### Definisi Operasional

Pendayaupayaan dalam kajian ini merujuk kepada keupayaan peserta-peserta dalam projek YS mengawal dan mempertingkatkan kehidupan dalam aspek ekonomi, sosial dan psikologi yang dapat membawa perubahan yang positif dalam kehidupan mereka setelah melibatkan diri dalam projek. Pengukuran bagi pendayaupayaan ini terdiri daripada pernyataan-pernyataan dalam skala pengukuran pendayaupayaan berdasarkan tiga dimensi tersebut.

### **1.8.1.1 Pendayaupayaan Ekonomi**

#### Definisi Konseptual

Pendayaupayaan ekonomi merujuk kepada keupayaan individu atau ahli kumpulan memperoleh pendapatan dan membolehkan mereka memiliki keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, pakaian dan sebagainya (Moyle et al., 2006).

#### Definisi Operasional

Dalam kajian ini, pendayaupayaan ekonomi merujuk kepada keupayaan peserta-peserta dalam projek untuk memperolehi dan menambahkan pendapatan dan mampu untuk membuat simpanan dan aset hasil daripada penglibatan dalam projek yang disertai. Pendayaupayaan ekonomi telah diukur menggunakan pengukuran yang terdiri daripada subdimensi pendapatan dan kemampuan perbelanjaan dan simpanan oleh Sultana & Hasan (2011) dan Mohammed Bashir (2013).

### **1.8.1.2 Pendayaupayaan Sosial**

#### Definisi Konseptual

Pendayaupayaan sosial merujuk kepada keupayaan individu untuk mengawal kehidupan mereka dan menguasai persekitaran melalui pembentukan hubungan dan interaksi untuk kesejahteraan hidup dan produktiviti (Mokomane, 2012) yang diukur berdasarkan tiga dimensi iaitu ikatan kebersamaan, jalinan hubungan dan rangkaian kerjasama antara ahli dalam komuniti (Putnam, 2000).

#### Definisi Operasional

Dalam kajian ini, pendayaupayaan sosial merujuk kepada keupayaan individu dalam hubungan sosial kehidupan mereka melalui hubungan antara peserta lain dalam kalangan projek yang terlibat, hubungan yang dibina dengan pihak YS dan hubungan dengan pihak-pihak atau badan-badan luar agensi lain. Pengukuran diukur berdasarkan tiga subdimensi yang terdiri daripada ikatan kebersamaan, jalinan hubungan dan rangkaian kerjasama antara ahli dalam komuniti (Putnam, 2000) berdasarkan adaptasi soal selidik daripada Larsen et.al (2004), Wu et al., (2006) dan Park, Lee, Choi & Yoon (2012).

Ikatan kebersamaan yang dilihat adalah kekuatan hubungan dalam kalangan peserta YS melalui kerjasama, saling sokong menyokong, berkongsi masalah dan pendapat dalam meningkatkan kemajuan diri dan kumpulan. Jalinan hubungan pula merujuk kepada hubungan dan kerjasama yang dibina antara peserta setempat dengan peserta daripada daerah dan projek yang lain dan dengan pihak YS. Manakala jaringan kerjasama pula

merujuk kepada jalinan kerjasama yang dibina antara peserta projek dengan badan bukan kerajaan (NGO) yang lain, agensi kerajaan dan pihak swasta dalam meningkatkan keupayaan diri dan kumpulan.

### **1.8.1.3 Pendayaupayaan Psikologi**

#### Definisi Konseptual

Pendayaupayaan psikologi merujuk kepada perubahan kualiti personal seseorang individu iaitu daripada segi kemampuan personal, kawalan emosi dan pengetahuan mengenai komuniti membawa kepada kebolehan untuk membuat keputusan dan pengendalian masalah yang lebih efektif (Moyle et al., 2006).

#### Definisi Operasional

Dalam kajian ini, pendayaupayaan psikologi merujuk kepada perubahan dalaman ke arah positif dalam aspek dimensi psikologi (motivasi dalaman) di mana pengukuran terdiri daripada subdimensi estim diri oleh Rosenberg (1965), tingkah laku proaktif (Schwarzer, 1999) dan efikasi diri (*self efficacy*) oleh Ralf Schwarzer (1995) yang diperoleh setelah menyertai YS.

Estim diri dalam kajian ini merujuk kepada sejauhmana subjek merasakan diri mereka mempunyai nilai serta percaya kepada diri sendiri dalam melaksanakan aktiviti YS. Manakala tingkah laku proaktif pula merujuk kepada ciri-ciri personaliti yang memberi implikasi kepada motivasi dan tindakan. Subjek yang mempunyai tingkah laku proaktif ini percaya kepada perubahan yang boleh dibuat untuk mempertingkatkan diri melalui tindakan yang efektif dan membina sumber untuk mempertingkatkan kualiti hidup diri dan keluarga. Seterusnya ialah efikasi diri merujuk kepada keupayaan mengawal situasi yang berlaku dalam kehidupan. Ia merujuk kepada kepercayaan kepada diri sendiri untuk melaksanakan tugas dengan berkesan dan baik setelah menyertai aktiviti YS.

### **1.8.2 Penglibatan**

#### Definisi Konseptual

Penglibatan merupakan proses di mana ahli dalam komuniti membuat keputusan ke atas masalah mereka, merancang dan melaksanakan pembangunan dengan proses berfikir dan menerima faedah daripada aktiviti atau projek pembangunan (Ratnavaratha & Jomnonkwao 2013).

### Definisi Operasional

Penglibatan dalam kajian ini merujuk kepada penglibatan peserta YS dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dan program-program latihan dalam usaha mempertingkatkan taraf hidup yang lebih baik. Dalam kajian ini penglibatan menggunakan skala yang diadaptasi oleh Cohen dan Uphoff (1980) terdiri daripada penglibatan dalam pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah manakala tahap penglibatan mengukur sejauhmana tahap kesemua penglibatan tersebut sama ada tinggi, sederhana atau rendah.

### **1.8.3 Modal Insan**

#### Definisi Konseptual

Modal insan dirujuk sebagai pengetahuan, kemahiran dan bakat dalam kalangan ahli komuniti. Ia juga boleh merangkumi kemahiran yang boleh memenuhi pasaran kerja, kemahiran kepimpinan, latar belakang pendidikan, pembangunan kesenian, kesihatan dan kemahiran lain serta pengalaman (Green & Haines 2012). Thomas (2013) dalam kajiannya menambah modal insan dalam prestasi pekerjaan seseorang boleh dilihat dalam aspek pengetahuan, kemahiran, kebolehan mengendalikan kerja, kemahiran berkomunikasi, kreativiti dan inovasi serta latihan dan pembangunan.

#### Definisi Operasional

Dalam kajian ini modal insan merujuk kepada tiga elemen iaitu pengetahuan, kemahiran dan kebolehan dalam diri peserta projek YS yang diukur berdasarkan adaptasi pengukuran oleh Thomas (2013) yang terdiri daripada pengetahuan, kemahiran dan kebolehan mengendalikan kerja. Pengetahuan merujuk kepada maklumat dan latihan/kursus yang diperolehi sepanjang penglibatan dengan projek YS serta prosedur pelaksanaannya manakala kemahiran pula merujuk kepada praktis yang diperolehi dan digunakan dalam menguruskan dan melaksanakan projek yang berkaitan dan seterusnya kebolehan peserta yang merujuk kepada intelektual, sikap dan pengalaman dalam mengendalikan kerja.



## 1.9 Skop Kajian

Kajian ini berbentuk tinjauan terhadap penglibatan, modal insan dan pendayaupayaan dalam kalangan peserta projek YS. Kajian ini terhad kepada peserta projek YS di bawah modul *Supporting Sustainable Livelihoods* yang terdiri daripada 305 orang peserta sebagai responden kajian yang merangkumi tiga negeri iaitu Kelantan, Sabah & Sarawak. Pemilihan responden adalah berdasarkan senarai nama yang diperolehi daripada pihak YS. Kajian ini juga diukur berdasarkan dimensi yang ditetapkan dalam variabel kajian dengan pengukuran skala yang terpilih bagi peserta projek YS. Projek pembangunan komuniti dalam konteks organisasi TSK menjadi tumpuan kajian ini. Kajian ini memberi tumpuan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pendayaupayaan dalam kalangan peserta projek. Kaedah penyelidikan kuantitatif dilakukan untuk mengenal pasti pendayaupayaan komuniti.

Kajian ini melihat penjelasan terperinci mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pendayaupayaan komuniti iaitu faktor penglibatan dan modal insan dan terbatas terhadap faktor-faktor lain yang berkaitan dengan pendayaupayaan. Pendayaupayaan sebagai variabel bersandar terdiri daripada pendayaupayaan ekonomi, sosial dan psikologi. Variabel bebas yang terlibat dalam kajian ini pula adalah penglibatan yang terdiri daripada pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah. Berdasarkan Cohen & Uphoff (1980) penglibatan terdiri daripada pembuatan keputusan, pelaksanaan, penerimaan faedah dan penilaian. Namun begitu, penglibatan dalam penilaian tidak termasuk sebagai skop kajian ini memandangkan peserta tidak terlibat secara langsung dalam proses penilaian projek YS.

Sementara itu, variabel modal insan pula bertindak sebagai mediator kajian dalam hubungan antara penglibatan dan pendayaupayaan yang terdiri daripada pengetahuan, kemahiran dan kebolehan. Analisis kuantitatif digunakan dalam kajian ini bertujuan menjawab objektif kajian berdasarkan model struktural kajian yang dibina.

## 1.10 Struktur Tesis

Tesis ini terdiri daripada lima bab yang memberi fokus ke atas kajian ini secara keseluruhannya. Untuk Bab Satu terdiri daripada pengenalan, pemasalahan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, kesignifikan kajian, definisi konseptual dan operasional dan skop kajian. Bab seterusnya iaitu Bab Dua membentangkan kerangka teoritikal, tinjauan literatur dan kerangka konseptual yang berkaitan dengan variabel-variabel yang terdapat dalam kajian ini serta penjelasan berkaitan teori yang digunakan dalam kajian. Bab Tiga pula membincangkan metodologi kajian yang meliputi reka bentuk kajian dan alat ukuran. Selain itu, aspek kebolehpercayaan dan kesahan alat ukuran juga dijelaskan dan diikuti dengan prosedur memproses dan menganalisis data. Dalam Bab Empat pula, hasil kajian dibentangkan dan dihuraikan secara terperinci serta menjawab persoalan dan objektif kajian. Akhir sekali Bab Lima yang merumuskan hasil kajian berdasarkan objektif kajian, kesimpulan dan implikasi serta cadangan berkaitan kajian.

## RUJUKAN

- Abbott, J. (1995). Community participation and its relationship to community development. *Community Development Journal*, 30(2), 158-168.
- Abdul Lateef Ayine Latopa, Sharifah Norazizan Abdul Rashid, Asnarulkhadi Abu Samah & Haslinda Abdullah (2015). *Examining the Extent of Youth Participation in Agricultural Training Program in Malete Youth Farm Kwara State*. *Journal of Humanities and Social Science*, Vol. 20, Issue 4 , Ver V (Apr 2015).
- Abdul Rahman Embong (2007). *Pembangunan Negara, Komuniti dan Insan Melampaui 2020*. Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa Bangi. <http://www.ikmas.ukm.my>.
- Abdul Rashid, M.Z. and Ibrahim, S. (2002), "Executive and management attitudes towards corporate social responsibility in Malaysia", *Corporate Governance*, Vol. 2 No. 4, pp. 10-16.
- Abraham, J. A. (2011). *Measurement of Social Empowerment of Farmers in SHGS: Evidence from India*. *International NGO Journal*, 6(12), 255-261.
